



# SIARAN MEDIA

---

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)  
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti  
47120 PUCHONG, SELANGOR

*Tel: 03-80649000 / 9165*

---

## **ZIARAH PRIHATIN DAN PENYAMPAIAN BANTUAN BANJIR KEPADA NELAYAN SELANGOR**

**KLANG, 21 DISEMBER 2021:** Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah, telah melawat dan menziarahi nelayan yang terjejas dengan musibah banjir yang berlaku pada 18 Disember 2021 lepas.

Turut hadir dalam lawatan ini, YBhg Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Tuan Yusoff Othman, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Pengarah LKIM Negeri Selangor, Siti Hawa Delaila Tukiran.

Dalam lawatan ini, Datuk Seri Ahmad Hamzah telah menyampaikan bantuan kepada Keluarga Nelayan yang terjejas akibat musibah banjir dan ribut yang mengakibatkan kerosakan rumah, bot/vesel, enjin, peralatan penangkapan, infrastruktur/jeti dan lain-lain. MAFI melalui LKIM telah dan akan menyalurkan bantuan segera bencana kepada Keluarga Nelayan seperti berikut:

- a. **Sumbangan Bencana Kecemasan bernilai RM1000.00/seorang secara tunai.**
- b. **Penyerahan Bakul Makanan MAFI PRIHATIN bernilai RM100/seorang.**

### **Senarai nama nelayan mangsa banjir (Rantau Panjang):**

- i. Nama : Mohsis bin Sahudi  
Alamat : Lot.1074, 42100 Rantau Panjang, Selangor  
No. K/P : 540330-10-5663

- ii. Nama : Mohd Isa bin Kadar  
Alamat : Lot.4184, Lorong Hj Othman, 42100 Rantau Panjang,  
Selangor  
No. K/P : 691129-10-5053
- iii. Nama : Tukiman bin Kasbun  
Alamat : No.62, Lot.1114, Jalan Genting, 42100 Rantau Panjang,  
Selangor  
No. K/P : 520213-10-5615

**Senarai nama nelayan mangsa ribut (Pengkalan Sementa):**

- i. Nama : Saiful bin Bahari  
Alamat : Pengkalan Nelayan Sementa, Batu 7 Jalan Kapar 42100,  
Selangor  
No. K/P : 830303-10-5655
- ii. Nama : Abdul Latip bin Tambah  
Alamat : Pengkalan Sementa, Batu 7 Jalan Kapar 42100, Selangor  
No. K/P : 550926-10-6199

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyediakan beberapa inisiatif dan bantuan bagi meringankan bebanan yang dihadapi oleh mangsa musibah banjir ini. Antaranya adalah seperti berikut:

**Menyediakan Bantuan Bakul Makanan (Food Basket) MAFI Prihatin.**

- i. Bantuan Bakul Makanan (Food Basket) MAFI Prihatin ini meliputi bantuan barangan makanan keperluan asas kepada Keluarga Nelayan seperti beras, tepung, sardine tin, susu, minyak, telur dan sebagainya;
- ii. **Bantuan Bencana Wang Kecemasan (BWK) kepada Keluarga Mangsa.**  
Nilai bantuan adalah bergantung kepada Jawatankuasa Siasatan dan Penilaian dengan kadar maksimum RM1,000.00 setiap Keluarga Nelayan yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

**Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).**

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Belanjawan 2021 telah memperuntukkan sejumlah RM80 juta bagi penubuhan tabung ini. Skop bantuan di bawah PPSPA adalah untuk memberi bantuan akibat bencana meliputi hasil-hasil perikanan, ternakan akuakultur, industri

makanan dan asas tani, dan juga projek yang bukan berbentuk agromakanan sepenuhnya iaitu agropelancongan.

Sebagai langkah menghadapi situasi bencana, MAFI telah mengarahkan semua jabatan dan agensi untuk mewujudkan Bilik Gerakan Bencana Banjir yang bertujuan menyalurkan informasi, menerima aduan dan permasalahan berhubung dengan situasi bencana banjir.

LKIM juga telah menggerakkan Kumpulan Keselamatan Nelayan (KESAN) yang berorientasikan konsep kesukarelawanan merupakan pasukan keselamatan bukan kerjaan yang terdiri daripada golongan nelayan yang terlatih bertujuan untuk memberi bantuan dalam misi menyelamatkan serta operasi bencana atau kemalangan di laut. Pasukan KESAN di seluruh negara telah diarahkan untuk bersiaga bagi menghadapi sebarang bencana dan musibah.

Berdasarkan maklumat awal musibah banjir di Selangor, sejumlah lebih kurang 100 orang nelayan telah terkesan di kawasan Pelabuhan Klang, Sepang dan Sungai Besar dan nilai anggaran kerosakan mencecah RM550,000.000. Walau bagaimanapun siasat masih lagi dijalankan bagi mengenal pasti kerosakan sebenar dan kemungkinan akan berlaku pertambahan kerugian. LKIM akan sentiasa memantau dan mengumpul maklumat terkini.

Melalui inisiatif dan bantuan ini, agenda MAFI melalui LKIM dalam menjaga kebajikan dan keselamatan golongan sasaran terutama dapat diterjemahkan dengan pelaksanaan bantuan-bantuan yang memberi impak dalam meringankan kehidupan Keluarga Nelayan yang terkesan.

MAFI melalui agensinya LKIM telah dan akan sentiasa memainkan peranan yang penting dan berkesan sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan, memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan dan memajukan perusahaan perikanan negara serta memastikan bekalan ikan mencukupi di seluruh negara terutama sewaktu musim banjir dan dalam masa yang sama membantu dan prihatin kepada rakyat dan kumpulan sasaran seperti nelayan dengan menyampaikan bantuan dan sumbangan bekalan makanan kepada mereka yang memerlukan dan terjejas. Ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial oleh pihak LKIM dan MAFI.

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat**

**Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)**

**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**

**21 Disember 2021.**